



HARI MEMPERINGATI AIDS SEDUNIA 2012 TINGKATKAN KESIHATAN DAN HARGA DIRI

Petaling Jaya, 20 April – *Bersama-sama Meningkatkan Kesihatan dan Harga Diri (Promoting Health and Dignity Together)* dipilih sebagai tema global sambutan Hari Memperingati AIDS Sedunia 2012. Pengumuman dibuat oleh Presiden Majlis AIDS Malaysia (MAM), Tan Sri Mohd Zaman Khan di suatu sidang media untuk memperkenalkan barisan Selebriti Sokongan Riben Merah MAM di samping mengumumkan Anugerah Media Riben Merah 2012, di sini hari ini.

Tema bertujuan meningkatkan kesedaran tentang HIV dan menanam rasa hormat terhadap hak-hak asasi orang yang hidup dengan HIV. Rangka kerja “Positive Health, Dignity and Prevention”, iaitu pendekatan berteraskan insan dan berasaskan hak asasi manusia yang dihasilkan oleh Jaringan Global Orang Yang Hidup dengan HIV (GNP+) menjadi inspirasi tema tersebut.

Disambut sejak 1983, pada hari Ahad minggu ketiga bulan Mei, Hari Memperingati AIDS Sedunia tahun ini jatuh pada 20 Mei 2012. Dengan 33 juta penduduk dunia yang kini hidup dengan HIV, sambutan bertindak sebagai pentas perpaduan global untuk menghapuskan stigma dan diskriminasi serta memberikan sinar harapan kepada generasi baru.

Di Malaysia, MAM dan Ahli-Ahli Gabungan akan mengadakan upacara keagamaan majmuk untuk memperingati pemergian lebih 12,000 rakyat Malaysia disebabkan AIDS, sepanjang bulan Mei. Wacana antara penggerak utama respon HIV/AIDS, dan pemimpin politik dan agama pula diharapkan dapat memangkinkan usaha untuk meningkatkan akses rawatan HIV/AIDS dan melindungi hak-hak asasi mereka yang hidup dengan HIV.

“Bukti saintifik terkini jelas menunjukkan bahawa rawatan antiretrovirus (ARV) berupaya mengurangkan risiko jangkitan HIV sebanyak 96 peratus. Oleh hal yang demikian, kita seharusnya menggembungkan tenaga untuk menyalurkan sumber terhadap usaha-usaha untuk menangani faktor-faktor penghalang akses rawatan dan penjagaan HIV/AIDS, terutamanya kos ubat-ubatan ARV yang tinggi serta stigma dan diskriminasi,” ulas Tan Sri Mohd Zaman Khan tentang maksud tema sambutan dalam konteks Malaysia.

[TAMAT]



SIARAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA

Majlis AIDS Malaysia

Majlis AIDS Malaysia (MAM) ditubuhkan pada tahun 1992 sebagai organisasi 'payung' yang bertanggungjawab untuk menyokong dan menyelaraskan usaha-usaha organisasi bukan kerajaan (NGO) yang berkerja di lapangan HIV/AIDS. MAM menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, untuk memastikan respon terhadap epidemik HIV/AIDS oleh NGO adalah komited dan efektif. Selain melaksanakan program pencegahan, rawatan, jagaan dan sokong bantu HIV di seluruh negara, MAM dan Ahli-Ahli Gabungan bertindak mewakili suara komuniti-komuniti yang terjejas oleh HIV/AIDS. Layari www.mac.org.my untuk keterangan lanjut.

Hubungi

Jabatan Media & Komunikasi, Majlis AIDS Malaysia

Erni Zawawi	+6017-232 6756	erni@mac.org.my
Meera Abi	+6016- 4146400	meera@mac.org.my